# PERTANDINGAN PIDATO
# ALAM SEKITAR
# PERINGKAT KEBANGSAAN 2018

**ANJURAN**

JABATAN ALAM SEKITAR

**DENGAN KERJASAMA**

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA (KPM)
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)
DEWAN BAHASA & PUSTAKA (DBP)
HENGYUAN REFINING COMPANY BERHAD (HRC)

# KAEDAH PELAKSANAAN

## PIDATO ALAM SEKITAR

- Pertandingan Pidato Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan 2018 terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori **Bahasa Melayu (BM)** dan **Bahasa Inggeris (BI)**.
- **Peringkat Awal:** Secara dalam talian iaitu menerusi Facebook
  **Peringkat Akhir:** Pelajar akan bertanding secara langsung di pentas akhir
- Peringkat Awal:
  Pelajar merakamkan pidato berdurasi 3 minit bertemakan Alam Sekitar dan memuat naik video menerusi Facebook peserta yang ditetapkan mod sebagai *public post*
- Post tersebut hendaklah menggunapakai **#pidatoalamsekitarbm2018** bagi ketegori Bahasa Melayu (BM) dan **#pidatoalamsekitarbi2018** bagi ketegori Bahasa nggeris (BI).
- Penilaian pertandingan pidato pada peringkat awal adalah berdasarkan pemberat **75%** markah dari Juri Profesional dan **25%** markah dari Juri Awam (jumlah ***like*** )
- 10 peserta bagi setiap kategori akan disenarai pendek untuk ke peringkat kebangsaan. Surat rasmi akan dikeluarkan untuk pemakluman dan nama peserta juga akan disiarkan di Facebook Page Rakan Alam Sekitar

# TERMA & SYARAT

- Penyertaan adalah PERCUMA
- Penyertaan adalah secara individu
- Seorang peserta terhad kepada SATU penyertaan sahaja
- Pertandingan ini terbuka kepada pelajar Sekolah Menengah seluruh Malaysia
- Tajuk pidato adalah bertemakan Alam Sekitar sahaja
- Peserta perlu mengisi borang penyertaan melalui *Google Form*
- Peserta perlu *Like* dan *Follow Facebook Page* Rakan Alam Sekitar sebelum menyiarkan video penyertaan
- Peserta mestilah mempunyai akaun Facebook persendirian dengan Nama sebenar dan Gambar Profil sebenar
- Video rakaman yang dihantar mestilah berdurasi tidak melebihi 3 minit
- Video rakaman mestilah rakaman sebenar peserta yang berpidato
- Video rakaman mestilah tanpa sebarang *editting* atau bantuan videografik atau infografik
- TIDAK DIBENARKAN menyentuh sentiviti kaum, agama serta politik dalam Video rakaman
- Penilaian akan dilakukan berdasarkan keaslian, teknik dan keupayaan untuk menyampaikan mesej
- Pihak penganjur tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos ataupun kerugian yang ditanggung oleh perserta
- Keputusan panel hakim adalah **MUKTAMAD**. Segala bentuk rayuan dan bantahan sama ada dalam bentuk lisan atau bentuk penulisan tidak akan dilayan sama sekali
- Pihak penganjur berhak menolak sebarang penyertaan yang melanggar peraturan dan mengubah sebarang syarat pertandingan yang dirasakan perlu bagi memastikan kelancaran pertandingan.
- Pemenang akan dihubungi melalui surat rasmi, telefon atau emel dan nama peserta akan disiarkan di Facebook Page Rakan Alam Sekitar

# TUNTUTAN HAK CIPTA

TUNTUTAN HAK CIPTA

**01**

Kesemua penyertaan adalah menjadi hak milik penganjur dan penganjur berhak mengguna pakai video bagi tujuan promosi dan komersial tanpa meminta kebenaran daripada peserta.

**02**

Pihak penganjur berhak untuk menerbitkan, mengeluarkan, memapar, mengedar, menyunting dan menayangkan pada skrin mana-mana video yang menang atau tidak di laman web, pameran, mana-mana media yang lain atau media sosial untuk tujuan penganjur. Video yang digunakan akan dikreditkan kepada peserta terlibat.

# CARA PENYERTAAN

## PIDATO ALAM SEKITAR

**Merakamkan Pidato bertemakan Alam Sekitar berdurasi tidak melebihi 3 minit**

↓

**Mengisi Borang Penyertaan Pertandingan Pidato melalui Google Form**

↓

**Like & Follow Facebook Page Rakan Alam Sekitar**

↓

**Memuat naik video di Facebook peribadi & menggunapakai #pidatoalamsekitarbm2018 ATAU #pidatoalamsekitarbi2018**

↓

**Proses Tapisan Awal**

↓

**40 video terpilih dimuat naik di Facebook Page Rakan Alam Sekitar**

↓

**Peserta terpilih mempromosikan video masing-masing bagi mengumpulkan jumlah Like (25%)**

↓

**Proses Tapisan Kedua oleh Juri Profesional (75%)**

↓

**10 peserta bagi setiap kategori mara ke pentas akhir**

# PIDATO

ALAM
SEKITAR